

18/9/2016

**SIARAN MEDIA 1:**  
**PERASMIAN STESEN PAM 2 BUKIT DUMBAR**

**PBAPP LABUR RM89.5 JUTA UNTUK PASTIKAN JAMINAN BEKALAN AIR DI PULAU PINANG**

*oleh YAB Tuan Lim Guan Eng,  
Ketua Menteri Pulau Pinang, dan  
Pengerusi PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

PULAU PINANG, Ahad 18/9/2016: Sejumlah RM89.5 juta dilaburkan di Pulau Pinang tahun ini untuk memastikan bekalan air yang baik untuk manfaat 1.7 juta rakyat dan beribu-ribu perniagaan, termasuk lebih 300 syarikat multinasional.

Pada tahun 2016, PBAPP telah melaksanakan projek infrastruktur bekalan air utama berikut:

- Stesen pam Bukit Dumbar 2 (BD2) baru ini yang bernilai RM11.9 juta, dengan reka bentuk berkapasiti 270 juta liter sehari (JLH), untuk meningkatkan dan “menyokong” operasi mengepam air ke Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan selatan bahagian pulau;
- Pakej 12 Loji Rawatan Air Sungai Dua yang bernilai RM54.9 juta untuk mempertingkatkan *output* rawatan air loji yang pernah memenangi anugerah itu, yang juga merupakan yang terbesar di Malaysia; dan
- Dua kolam air terawat konkrit untuk memastikan simpanan air yang lebih dari mencukupi untuk tempoh melebihi 24 jam di Jawi, Seberang Perai Selatan bernilai RM16.7 juta.
- Saluran paip 900mm dari Sungai Keluang, di sepanjang Jalan Tun Dr. Awang, ke bulatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan kos RM6.0 juta.

Pada bulan Ogos 2016, PBAPP telah melaksanakan kerja-kerja penting

naik taraf paip di Loji Rawatan Air Sungai Dua, dan kerja-kerja penyambungan paip di kawasan Bayan Lepas.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya memuji PBAPP yang menjalankan apa yang dirancangkan, dengan pelaksanaan projek untuk mengelak catuan air di Pulau Pinang.

Malangnya, Pulau Pinang mempunyai pengurusan permintaan air "paling teruk" di Malaysia, kerana tarif domestik kita yang rendah. Purata tarif air domestik kita untuk 35,000 liter pertama sebulan adalah RM0.32 berbanding RM1.31 di Johor dan RM4.60 (yang bersamaan dengan Singapore Dollar 1.52) di Singapura.

Tarif air domestik kita untuk 35,000 liter pertama setiap bulan yang rendah, telah menyebabkan Pulau Pinang merekodkan penggunaan domestik per kapita yang tertinggi di Malaysia pada tahun 2015, pada 291 liter/kapita/hari (l/k/h) berbanding dengan purata negara 209 l/k/h.

Kita perlu mengurangkan penggunaan per kapita domestik kita untuk dasar hijau kita dan agar tidak kehabisan air kelak.

## **Kebimbangan terhadap Air Mentah**

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tidak mempunyai kawalan ke atas Sungai Muda dan lain-lain sumber air mentah baru. Kita adalah negeri dengan geografi yang kecil. Pulau Pinang bergantung kepada hanya satu sungai, Sungai Muda, untuk sumber air mentah, sejak 43 tahun yang lalu.

Inilah sebab utama kita menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk Inisiatif Penstrukturkan Semula Perkhidmatan Bekalan Air Negara, atau NWSRI pada bulan Jun 2011. Untuk itu:

- Kita menerima tanggungjawab untuk menyelesaikan RM655.2 juta hutang negeri yang ditanggung, bukan oleh kita, tetapi oleh kerajaan negeri sebelum ini.
- Kita bersetuju untuk menyerahkan aset air utama Pulau Pinang untuk Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selama 45 tahun, dan untuk membayar caj pajakan kepada PAAB setiap tahun sehingga kita melangsungkan sepenuhnya pinjaman Negeri yang lepas.

- PBAPP menerima syarat menjadi operator bekalan air berlesen mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA).
- Kita bersetuju untuk membayar caj lesen tahunan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP), dengan geran Persekutuan sebanyak RM1.2 bilion.
- Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk membiayai dan menanggung semua projek-projek sumber air mentah masa depan untuk kepentingan negeri Pulau Pinang.

Pulau Pinang telah menghormati komitmennya terhadap perjanjian NWSRI. Dalam tempoh 2012 hingga 2015, kita telah membayar sejumlah RM67.3 juta sebagai yuran pajakan kepada PAAB dan yuran pelesenan kepada SPAN. PBAPP juga telah beroperasi selaras dengan petunjuk prestasi utama yang ditetapkan oleh SPAN.

## Kewajipan Kerajaan Persekutuan

MDEP, yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, telah tertunda selama 12 bulan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan kini mencadangkan untuk mengurangkan saiz saluran paip utama yang menghubungkan MDEP ke Terusan Sungai Dua.

Reka bentuk yang diubahsuai ini akan mengurangkan penghantaran air dari empangan itu ke terusan sebanyak 40%, daripada 1000JLH kepada 600JLH. Kerajaan Negeri Pulau Pinang membantah keras pengurangan kerana ia melanggar perjanjian yang dibuat sebelum ini.

Pengubahsuaian reka bentuk ini juga akan mempertingkatkan masa yang diperlukan untuk mengisi Mengkuang Dam yang mengalami pembesaran, kepada 2 tahun. Apa yang akan berlaku jika musim kemarau yang berlaku dalam tempoh ini?

Dijangkakan bahawa MDEP hanya boleh memulaka operasi pada bulan Mei 2019.

Berkenaan Sungai Muda, seolah-olah bahawa tidak ada tindakan yang diambil untuk menghentikan pembalakan di Ulu Muda.

Selain itu, tidak ada sebarang kemajuan dalam Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang telah dicadangkan oleh Pulau Pinang sejak tahun 2008.

Oleh itu, masanya telah tiba untuk Kerajaan Persekutuan membuka mata dan menangani keperluan air mentah bagi 1.7 juta rakyat Malaysia dan lebih daripada 300 syarikat multinasional di Pulau Pinang ketika ini.

Fahamilah bahawa "tidak ada air catuan di Pulau Pinang" bukan sahaja untuk kepentingan Pulau Pinang. Ia juga adalah untuk faedah negara secara keseluruhannya.

## Inisiatif Bekalan Air Kritikal bagi NCER

Tanpa perlu melambatkan dan membuang lebih banyak masa, Kerajaan Persekutuan harus segera mengutamakan 6 inisiatif berikut untuk manfaat Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak di Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER):

1. Yakinkan Kedah untuk menghentikan pembalakan di Ulu Muda dan mewartakan tadahan Ulu Muda untuk melindungi Sungai Muda sebagai sumber air mentah untuk selatan Kedah dan Pulau Pinang.
2. Memberikan pampasan kepada Kedah dengan dana Persekutuan untuk mengekalkan tadahan Ulu Muda.
3. Memperuntukkan dana Persekutuan bagi SPRWTS untuk manfaat utara Perak dan Pulau Pinang, selaras dengan perjanjian NWSRI yang ditandatangani dengan Pulau Pinang pada tahun 2011.
4. Menyelesaikan SPRWTS dalam tempoh 5 hingga 7 tahun, untuk memenuhi permintaan air mentah Utara Perak dan Pulau Pinang sehingga Tahun 2050.
5. Memainkan peranan yang lebih proaktif dan aktif dalam melindungi, menguruskan dan mengoptimumkan semua sumber air mentah di Wilayah Utara untuk faedah bersama Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak, sejajar dengan konsep Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).
6. Menyediakan pelan pengurusan krisis air bagi Wilayah Utara dengan



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

memanfaatkan semua sumber air mentah serantau, untuk mengurangkan risiko, ancaman dan kesan negatif musim kemarau berpanjangan pada masa hadapan.

Sementara menunggu Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi kewajipannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP akan terus melakukan apa sahaja yang kita boleh lakukan untuk mengelakkan catuan di Pulau Pinang.

Terima kasih.

*YAB Tuan Lim Guan Eng,  
Ketua Menteri Pulau Pinang, dan  
Pengerusi PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

---

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)